

07/07/1999

Amaran Dr M untuk ahli Umno belot

Thilinadan; Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran Umno akan mengambil tindakan tegas termasuk memecat ahli atau pemimpin yang didapati tidak setia terhadap perjuangan parti.

Beliau berkata, pemecatan sembilan ahli Umno yang diputuskan Majlis Tertinggi (MT) semalam, bukan yang terakhir kerana banyak laporan lain diterima dan MT sedang mengkajinya.

"Ahli mesti menunjukkan kesetiaan kepada parti dan kita juga mengambil kira kegiatan mereka, umpamanya Ketua Bahagian Tumpat, Datuk Kamaruddin Jaafar, dia ambil cuti daripada menjadi ketua bahagian.

"Bagi kita (Umno), ini sesuatu yang tak pernah berlaku. Dia (Kamaruddin) juga tidak menghadiri mesyuarat perwakilan.

"Kegiatan dia (Kamaruddin) sudah tentu tak secocok dengan seorang pemimpin bahagian," katanya mengulas tindakan MT memecat Kamaruddin dan lapan ahli lain kerana membantu dan menyertai parti pembangkang.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan makmal multimedia, Furutel@b, sebuah pusat rangkaian komunikasi dan penerangan Siemens di Menara Berkembar Petronas di sini, petang ini.

Ditanya sama ada pemecatan Kamaruddin dan ahli parti lain akan menjejaskan persiapan Barisan Nasional (BN) menghadapi pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata jumlah mereka terlalu kecil dan tidak akan menimbulkan sebarang masalah.

"Bilangan mereka kecil sangat berbanding selepas 1987, apabila banyak pemimpin dan ahli tinggalkan parti untuk sertai Tengku Razaleigh Hamzah.

"Kali ini yang terbabit (menentang parti) hanya pemimpin kecil. Malah, tidak seorangpun ahli MT letak jawatan atau ambil tindakan bertentangan dengan parti," katanya.

Ditanya mengenai kenyataan Tengku Razaleigh kemungkinan pilihan raya diadakan Ogos atau September depan, Perdana Menteri berkata Tengku Razaleigh juga membuat spekulasi seperti orang lain.

"Saya bukan ikan, dia bagi umpan, saya tak gigit. Saya akan membuat keputusan sendiri pada masa yang saya rasa sesuai.

"Kita akan benarkan pembangkang `berlari' sehingga keletihan, masa itu kita akan fikir. Kita (BN) tak perlu berlari lagi.

"Kita juga akan lihat berapa banyak bendera yang mereka boleh letak. Lama-kelamaan bendera itu akan lusuh sehingga tak ada bendera lagi," katanya.

Secara berseloroh, beliau menjemput parti pembangkang supaya mengibarkan bendera mereka.

"Mereka akan menang perang bendera saja dan saya harap mereka tak menang pilihan raya," katanya.

(END)